

SITE PLAN

LEGEND

- GTP PHASE 1
- Sono DP Papan 24 unit
- Integrasi Factory 48 unit
- Industrial Bldg 22 unit
- GTP PHASE 2
- Phase 2



AB Rauf diberi penerangan mengenai pelan pembangunan GTP oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Melaka (MCORP) Datuk Mohd Yusof Abu Bakar. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

Pusat pemindahan teknologi Jerman di GTP

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BEMBAN - Langkah awal telah dimulakan Kerajaan Negeri bagi menjadikan kawasan Taman Teknologi Jerman (GTP) sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang memfokuskan kepada pemindahan teknologi dari Jerman.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri berusaha menarik syarikat-syarikat dari Jerman yang bertapak di Asia Tenggara untuk menjadikan Melaka sebagai hab melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Jelas beliau, GTP bakal memberi tumpuan kepada pelbagai industri yang berasaskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta dijangka menjadi platform utama bagi inovasi dan teknologi di Melaka.

"Kita mahu menjadikan Melaka sebagai pusat latihan dan pusat kecemerlangan TVET peringkat kebangsaan memandangkan negeri ini telah diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan.

"Maka, kita berhasrat menerusi pembangunan GTP ini, ia menjadi lokasi pemindahan teknologi dari Jerman dan seterusnya dapat menarik lebih ramai pelabur datang ke Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Taman Teknologi Jerman (GTP) di Kawasan Bandar Hijau, Mukim Ayer Panas, di sini, 28 Februari lalu.

Sementara itu, Ab Rauf dalam ucapannya berkata, kemajuan yang dimiliki Jerman dalam sektor pembuatan dan teknologi tinggi menjadi inspirasi kepada Kerajaan Negeri dalam membangunkan GTP.

Ujar beliau, melihat kepada kejayaan mengagumkan yang dimiliki negara tersebut, Melaka mahu membawa kepakaran dan teknologi yang dimiliki ke bumi bersejarah ini, sekali gus dapat meningkatkan daya saing industri Melaka di peringkat global.